# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 29 JANUARI 2026

| BIL. | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | M'SIA, UZBEKISTAN TO EXPLORE AGRICULTURE, FISHERIES COOPERATION, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | KEDAH PERKASA INDUSTRI TERNAKAN LEMBU, KEDAH, HARAKAH, M/S – 16 | LAIN – LAIN |
| 3. | PESAWAH TERHIMPIT, HASIL DIPOTONG, PARLIMEN, HARAKAH, M/S – 5 | |
| 4. | KKM PERKUKUH KESIAPSIAGAAN DI PINTU MASUK ANTARABANGSA, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 17 | |
| 5. | AKPS SITA BABI IMPORT DARI BELGIUM BERNILAI RM873,000, NEGARA, KOSMO, M/S – 14 | |
| 6. | IMPORTED PORK WORTH RM873,000 SEIZED OVER NON-COMPLIANCE, NATION, NEW STRAITS TIMES, M/S – 5 | |
| 7. | OVER 125 TONNES OF FALSELY DECLARED WASTE SEIZED, NATION, THE STAR, M/S – 9 | |
| 8. | MALAYSIA TIGHTENS BORDERS AFTER NIPAH VIRUS HITS INDIA, NATION, THE STAR, M/S – 11 | |
| 9. | KILANG PADI PASTIKAN KESELAMATAN MAKANAN TERJAMIN, KELANTAN, HARAKAH, M/S – 11 | |
| 10. | SEED2030 TERAS BAHARU PKPS, PERKUKUH SEKURITI MAKANAN SELANGOR, SINAR HARIAN, M/S – 17 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/1/2026 | THE SUN | NATIONAL | 4 |

# M'sia, Uzbekistan to explore agriculture, fisheries cooperation

**PUTRAJAYA:** Malaysia and Uzbekistan are exploring potential cooperation in melon cultivation, the fisheries sector and the modernisation of *padi* farming through technologies involving drones.

The Agriculture and Food Security Ministry in a statement said the matter was discussed during a courtesy call by Syrdarya Region Governor Erkinjon Turdimov on minister Datuk Seri Mohamad Sabu on Tuesday.

The ministry added that both sides expressed hope that collaboration in agricultural trade could be further strengthened in the future for mutual benefit.

"The visit serves as a platform for both parties to discuss bilateral cooperation in agriculture and agro-food, in line with Malaysia's national food security priorities."

The Syrdarya region is a key agricultural area that produces cotton, wheat and watermelon.

Malaysia-Uzbekistan agricultural trade recorded RM266 million in value between January and October 2025.

This covers the export of Malaysian agricultural products, such as coffee, cocoa, tea, spices and processed goods to Uzbekistan, while imports from Uzbekistan consist mainly of fruits.

During the meeting, Mohamad also extended an invitation to Uzbekistan to participate in the Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show 2026, which would be held from Aug 28 to Sept 6 at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang, under the theme "Value Creation for Food Security". – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/1/2026 | HARAKAH | KEDAH | 16 |

# Kedah perkasa industri ternakan lembu

**KUALA NERANG:** Kerajaan Negeri Kedah memperlihatkan kesungguhan untuk memperkukuh sektor ternakan negeri dengan memberi tumpuan kepada pengusaha tempatan yang berdaya maju, berdisiplin dan menunjukkan komitmen jangka panjang dalam industri ternakan lembu.

Pendekatan itu dizahirkan apabila kerajaan negeri menyatakan kesediaan menyalurkan bantuan bersasar bagi memperluaskan operasi ladang ternakan yang diurus secara profesional, sekali gus menyokong agenda keterjaminan makanan dan pembangunan ekonomi luar bandar.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Pengangkutan negeri, Dzowahir Ab Ghani berkata, pengurusan Ladang Ternakan Lembu Hikmah Machang Enterprise membuktikan bahawa pengusaha tempatan mampu mengendalikan ladang secara tersusun, bersih dan menepati keperluan industri moden.

Menurut beliau, aspek kebersihan, susun atur kandang serta pengurusan ternakan yang sistematik menjadi indikator penting sebelum sebarang sokongan atau bantuan kerajaan dipertimbangkan.

"Keperluan kuarantin sebenar ladang ini adalah sekitar 150 ekor lembu namun kapasiti sedia ada masih terhad. Perkara ini perlu diberi perhatian agar operasi dapat berkembang selari dengan permintaan," katanya selepas lawatan kerja ke ladang berkenaan.

Dzowahir menegaskan, sokongan kerajaan negeri bukan sekadar membantu individu tetapi bertujuan membina ekosistem industri ternakan yang mampan, tersusun dan memberi pulangan ekonomi kepada negeri.

Beliau turut menyatakan hasrat agar ladang berpotensi seperti ini dapat dibangunkan sebagai hab ternakan serta pusat penyembelihan yang diiktiraf pada masa hadapan, sekali gus membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan rantaian nilai sektor agromakanan negeri Kedah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/1/2026 | HARAKAH | PARLIMEN | 5 |

# Pesawah terhimpit, hasil dipotong

Oleh **MUHAMMAD ARIF ISMAIL**

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan digesa segera campur tangan bagi membendung peningkatan kadar potongan hasil padi yang didakwa semakin membebankan pesawah dan mengancam kelangsungan sektor keselamatan makanan negara.

Dato' Ahmad Saad @ Yahaya (PN-Pokok Sena) mendedahkan, terdapat kawasan tertentu yang mengenakan potongan pemotongan atau penuaian padi sehingga mencecah paras membimbangkan, malah ada dakwaan kadar tersebut boleh meningkat setinggi 65 peratus daripada hasil keseluruhan.

Menurut beliau, situasi itu bukan sahaja menekan pendapatan pesawah, malah menunjukkan kegagalan kawalan kos yang wajar dipantau kerajaan.

"Jika potongan mencecah 65 peratus, pesawah hanya menerima baki sekitar 35 peratus sahaja daripada hasil mereka. Ini jelas tidak munasabah dan menzalimi golongan petani," katanya ketika membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat.



Ahmad Saad @ Yahaya

Beliau menjelaskan, sebelum ini kadar potongan berada pada tahap lebih terkawal, iaitu sekitar 17 hingga 18 peratus ketika harga lantai padi RM1,250 satu tan, dan meningkat kepada sekitar 20 peratus apabila harga lantai RM1,300.

Namun, katanya, peningkatan mendadak kadar potongan mutakhir ini berlaku dalam keadaan kos sara hidup dan input pertanian seperti baja, racun serta upah buruh terus meningkat.

Ahmad turut mempersoalkan langkah intervensi kementerian bagi menangani isu tersebut, termasuk masalah kelewatan subsidi, bekalan benih padi serta kegagalan menunaikan janji insentif pembajakan dan penuaian sebanyak RM210 sehektar.

"Pesawah sudah terlalu lama menanggung beban. Janji insentif yang diumumkan sejak Jun tahun lalu masih belum direalisasikan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/1/2026 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

WABAK PENYAKIT NIPAH

# KKM perkukuh kesiapsiagaan di Pintu Masuk Antarabangsa

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terus memperkukuh kesiapsiagaan melalui saringan kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa, khususnya membabitkan pengembara dari negara berisiko ekoran situasi wabak penyakit Nipah di West Bengal, India.

Menurut KKM, pengawasan berterusan akan dipertingkatkan, termasuk pemantauan rapi di lapangan serta pengukuhan kapasiti makmal negara bagi memastikan pengesanan awal dapat dilaksanakan.

Kesiapsiagaan fasiliti kesihatan turut dipertingkatkan selaras dengan pelaksanaan langkah pencegahan dan kawalan, merangkumi amalan pencegahan dan kawalan infeksi (IPC) serta kerjasama rentas sektor dan antara agensi akan terus diperkukuh bagi melindungi kesihatan awam serta mencegah sebarang risiko kemunculan semula penyakit Nipah di negara ini.

"Walaupun Malaysia tidak melaporkan sebarang kes penyakit Nipah sejak 1999, KKM kekal berwaspada terhadap risiko penularan rentas sempadan susulan kejadian jangkitan secara sporadik di beberapa negara lain," menurut kenyataan itu.

Selain itu, pemantauan berterusan juga dipertingkatkan melalui kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia melalui pendekatan One Health.

"Setakat ini, tiada virus Nipah dikesan dalam kalangan haiwan domestik atau liar," menurut kenyataan itu. - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/1/2026 | KOSMO | NEGARA | 14 |

# AKPS sita babi import dari Belgium bernilai RM873,000

**KLANG** – Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) menyita daging babi diimport dari Belgium bernilai RM873,000 selepas mendapati pihak terlibat tidak mematuhi syarat kelulusan yang ditetapkan di Pelabuhan Barat di sini kelmarin.

Komander Kawalan Pintu Masuk Pelabuhan Klang AKPS, Datuk Nik Ezanee Mohd. Faisal berkata, sepanjang tempoh bulan ini, jumlah rampasan melibatkan daging itu di Pelabuhan Klang mencecah kira-kira RM2 juta

"Rampasan dibuat apabila syarikat berkaitan gagal mematuhi syarat ditetapkan. Antaranya daging babi yang diimport dari Belgium itu.

"Kita bekerjasama dengan pihak berkuasa kesihatan dan agensi berkaitan bagi memastikan semua produk makanan yang dibawa masuk ke negara ini mematuhi piawaian keselamatan ditetapkan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Nik Ezanee, pemantauan rapi dijalankan ke atas produk berisiko tinggi dari negara tertentu bagi mengelak ancaman kesihatan awam termasuk virus Nipah.

Tambahnya, setakat ini tiada ancaman lain dikesan dan pemantauan akan diteruskan sehingga arahan lanjut dikeluarkan.

Sebelum ini *Kosmo!* melaporkan penyeludupan daging babi dikatakan semakin meriah menjelang perayaan Tahun Baharu Cina pada pertengahan Februari ini apabila sejumlah hampir 50 tan daging babi sejuk beku dirampas di pelabuhan sama pada 20 Januari lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/1/2026 | NEW STRAITS TIMES | NATION | 5 |

# Imported pork worth RM873,000 seized over non-compliance

**PORT KLANG:** The Malaysian Border Control and Protection Agency (MCBA) has seized two more containers carrying pork valued at RM873,000 here.

MCBA Port Klang commander Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal said the containers, which arrived from Belgium, were detained due to non-compliance with veterinary and quarantine requirements by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis).

"Although the shipment's declaration and documentation were found to be in order, investigators discovered that the cutting facility used to process the meat was not approved by Maqis," he told reporters at Westports here.

"Because of that, we detained the containers and are now waiting for the outcome of Maqis' investigation."

The seizure brings the total value of pork products detained by MCBA at Port Klang this month to around RM2 million.

Last week, the MCBA thwarted an attempt to smuggle RM1.15 million worth of frozen pork from Spain and Belgium.

Agency director-general Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain had said that investigators had begun tracing the source of suckling pigs believed to have been illegally imported from 14 countries banned by the Agriculture and Food Security Ministry over African swine fever concerns.

He had also said he had been informed by several suppliers that the meat was not produced locally and there was no official approval for its importation.

"Suckling pigs are baby pigs. Our country does not produce them, nor do we have approval to import them, yet they often appear during Chinese New Year celebrations.

"As such, we are currently trying to trace the actual sources.

"If we are able to identify them, I will share the information directly with the media," he had said.

Meanwhile, Ezanee said MCBA would monitor the entry of pork from India following the outbreak of the Nipah virus in the state of West Bengal.

"Following the Nipah virus situation, I have issued instructions to monitor pork-related products from India in close cooperation with Maqis. We are also working with the Health Ministry.

"As for the Port Klang Cruise Terminal, travellers from India will be screened before they are allowed entry," he added.

On Tuesday, it was reported that the Health Ministry was in constant contact with the World Health Organisation and relevant international counterparts to verify reports on social media regarding Nipah virus infections reported in India.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/1/2026 | THE STAR | NATION | 9 |

# Over 125 tonnes of falsely declared waste seized

By **YASMIN ABDUL LATIF**
yasmin@thestar.com.my

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

**KLANG:** Investigations have revealed that several waste shipments at Port Klang involved false cargo declarations, a tactic commonly used to evade enforcement.

"Some of the containers were declared as ABS plastic or aluminium alloy, but inspections showed otherwise.

"In one case, a container was not recorded in the customs information system, meaning it was never properly declared upon entry," said Port Klang AKPS commander Deputy Comm Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal.

The Malaysian Border Control and Protection Agency (AKPS) recently intercepted five shipping containers carrying illegal e-waste, scheduled waste, and commercial refuse, following a joint inspection with Westport, the Port Klang Authority, and the Selangor Department of Environment (DOE).

He said the containers were among 10 inspected on Monday, with the total weight of the seized cargo exceeding 125 tonnes.

"Two containers were found to be carrying scheduled e-waste, including used electronics such as printers, desktops and CPUs.

Another two contained crushed cable wires classified as scheduled waste, while one container carried commercial refuse," he said.

DCP Nik Ezanee said all five containers have been detained, with Westports securing the cargo pending documentation and analysis by the DOE, and once the necessary notices are issued, the containers will be exported back to their countries of origin.

The seized containers originated from the United States, South Korea, Spain, and Taiwan, with some shipments dating back to 2024 and others arriving as recently as last week.

He stressed that Malaysia will not allow itself to become a dumping ground for toxic waste, noting that the import of scheduled waste is strictly prohibited under the Environmental Quality Act 1974.

In a separate operation, AKPS also seized two containers carrying pork worth RM873,000 on Tuesday. DCP Nik Ezanee said the shipments failed to meet veterinary and quarantine requirements set by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (MAQIS).

"Although the shipment's declaration and documentation were found in order, investigators discovered that the cutting facility used to process the meat was not approved by MAQIS," he said.

The seized pork originated from Belgium and forms part of a broader crackdown this month, with total pork seizures reported by AKPS reaching RM2mil.

Earlier interceptions include two containers from Spain on Jan 20, with a combined estimated value of RM660,137 and weight of 49,972kg, and a container from Belgium on Jan 14, valued at RM495,740 with a weight of 27,000kg.




**Dirty tricks:** DCP Nik Ezanee viewing one of the containers found to be carrying e-waste. — KK SHAM/The Star

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/1/2026 | THE STAR | NATION | 11 |

# Malaysia tightens borders after Nipah virus hits India

By **YASMIN ABDUL LATIF**
newsdesk@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Health surveillance and border controls have been stepped up amid renewed concerns over Nipah virus infections in India, according to the Health Ministry and border control agency.

The ministry issued a statement stating that it is intensifying screenings at international entry points while the Malaysian Border Control and Protection Agency (AKPS) checks for high-risk animal products entering the country.

The ministry said that it would enhance continuous surveillance, including thorough monitoring in the field and strengthening the national laboratory's capacity to ensure early detection.

Health officials emphasised that the preparedness of health facilities had also been enhanced through the implementation of prevention and control measures, including infection prevention and control practices.

Cross-sector and inter-agency cooperation has also been reinforced to safeguard public health and prevent any re-emergence of Nipah disease, a Bernama report quoted the ministry.

"Although Malaysia has not reported any cases of Nipah disease since 1999, the ministry remains vigilant against the risk of cross-border transmission following sporadic infections reported in several other countries," the statement said.

It added that continuous monitoring of Nipah disease had been strengthened through collaboration with the Veterinary Services Department and the Wildlife and National Parks of Peninsular Malaysia Department under the One Health approach.

"To date, no Nipah virus has been detected in domestic or wild animals."

The ministry advised the public, particularly travellers to high-risk areas, to maintain good personal hygiene and avoid contact with sick animals or consuming contaminated products to prevent Nipah virus infection.

Nipah disease is classified as a notifiable disease under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342).

Nipah disease is a zoonotic infectious disease resulting from infection with the Nipah virus (NiV), with flying foxes/fruit bats as its natural reservoir.

It added that human infection can occur through contact with body fluids of infected animals, including saliva, blood and secretions, by consuming contaminated food, or through exposure to bodily fluids of infected individuals.

Symptoms such as fever, headache, vomiting, cough, difficulty breathing, seizures, confusion and disorientation typically appear after an incubation period of five to 14 days.

The disease can lead to complications such as encephalitis and respiratory problems, with a mortality rate of between 40 and 75%, the statement said.

Meanwhile, Port Klang AKPS commander Deputy Comm Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal said the agency will be monitoring the entry of animal products from India.

"We have officers stationed at terminals, including cruise ports, to screen passengers and monitor goods arriving from countries with known health risks, such as India," he said at a press conference at Port Klang West.

DCP Nik Ezanee reminded that all imported animal products must meet the veterinary and quarantine requirements set by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department.

Any consignment failing to comply will be detained, investigated and potentially destroyed.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/1/2026 | HARAKAH | KELANTAN | 11 |

# Kilang padi pastikan keselamatan makanan terjamin

**KOTA DARULNAIM:** Kilang Padi dan Beras Darulnaim di Mukim Tasik Berangan, Gual Periok kini beroperasi dengan kapasiti pemprosesan sehingga 600 metrik tan padi sehari, sekali gus memperkukuh rantaian industri padi dan beras tempatan di Kelantan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Dato' Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, kilang ini dijangka menjadi pemangkin utama dalam meningkatkan kebajikan pesawah, mempercepatkan pemprosesan padi dan menjamin ketersediaan beras tempatan untuk rakyat.

"Setakat ini, kilang telah memulakan pengeluaran beras campuran sebagai fasa awal. Beras tempatan dijangka berada di pasaran dalam masa terdekat, memberi pilihan kepada pengguna serta mengurangkan kebergantungan kepada bekalan luar," katanya dalam satu hantaran di media sosial.

Beliau menegaskan bahawa penubuhan kilang berkenaan selaras dengan usaha kerajaan negeri memartabatkan industri padi dan beras sambil memastikan keselamatan makanan di Kelantan terus terjamin.

Terdahulu, Dato' Tuan Saripudin mengadakan lawatan ke kilang berkenaan bersama Ketua Pegawai Eksekutif PKINK, Dato' Sr Zamri Ismail; Timbalan Exco Pertanian, Dato' Shaari Mat Hussain serta beberapa Ahli Dewan Negeri (ADN) termasuk Nik Bahrum Nik Abdullah, Nor Sham Sulaiman, Ustaz Mohd Rodzi Jaafar dan Almidi Jaafar.



Tuan Saripudin menunjukkan beras yang dihasilkan oleh kilang padi di Gual Periok.

